

10/02/1999

Tengku Ibrahim ... Tokoh Kraf Negara

Mohammad Ishak

KERIS berukir seni nan halus

Dililit rapi sulur kacang

Jika dibiarkan ia akan pupus

Sukar diganti hari mendatang

BEGITULAH serangkap pantun yang dihadiahkan penduduk daerah Besut, Terengganu kepada pengusaha kraf ukiran halus, Tengku Ibrahim Tengku Wook, 69, yang dianugerahkan Tokoh Kraf Negara kerana komitmennya memartabatkan industri kraf negara.

Pantun itu dibacakan oleh dihadapan ratusan tetamu oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Jertih, Terengganu, Idris Mamat dalam satu majlis meraikan kejayaan tokoh berkenaan yang meraih kejayaan dalam bidang kraf di Dewan Besar Jertih, baru-baru ini.

Tidak ada apa yang dapat dibanggakan dan hadiah yang mampu diberikan oleh penduduk tempatan selain sokongan moral menyertai majlis sambutan tokoh itu sempena sambutan Aidilfitri tahun ini.

Majlis anjuran Pejabat Daerah Besut (PDB) dan Umno Bahagian Besut dihadiri lebih 500 tetamu undangan termasuk pemimpin masyarakat, kakitangan kerajaan, pelajar dan pemimpin kerajaan walaupun sederhana tetapi memberi mesej bermakna kepada tokoh itu.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Idris Jusoh yang juga Ahli Parlimen Besut dan wakil rakyat tempatan adalah antara pemimpin yang menghadiri majlis berkenaan.

Majlis didahului dengan perarakan beca berhias dari rumah Tengku Ibrahim menuju dewan sejauh 300 meter dan disambut dengan barisan pemegang bunga manggar beraneka warna.

Ia kemudian diikuti ucapan ringkas pemimpin terbabit dan tetamu turut dihiburkan dengan persembahan nasyid dan irama padang pasir oleh kumpulan pemuzik buta Al-Baladi dari Kota Bharu, Kelantan.

Tidak ketinggalan, orang ramai dapat mengikuti secara lebih dekat hasil kerja seni tokoh kraf negara menerusi pameran mini yang diselenggarakan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Menyingkap kembali anugerah yang diberikan kepada Tengku Ibrahim, ia sebenarnya sebagai satu pengiktirafan negara terhadap kehalusan seni ukir tradisional serta kepakarannya dalam bidang seni halus.

Tengku Ibrahim adalah salah seorang pencinta seni yang menjalankan kerja-kerja ukiran halus seperti hulu dan sarung keris, tongkat, katil, rumah dan pelbagai produk seni tradisional lain.

Beliau membabitkan diri dalam bidang ukiran ketika berumur 16 tahun berpengalaman selama 37 tahun dalam bidang ukiran dan masih terus aktif hingga sekarang.

Tengku Ibrahim, dinobatkan anugerah tertinggi negara dalam bidang kraf pada Disember 1998 dan menerima hadiah wang tunai RM30,000 bersama beberapa hadiah iringan termasuk sepasang persalinan songket bernilai RM1,500, tambang perjalanan dan sara hidup bernilai RM1,500.

Selain itu beliau turut menikmati faedah bayaran perubatan, perbelanjaan luar jangka di hospital kerajaan selama lima tahun. Beliau menerima anugerah itu daripada isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Disember tahun lalu.

Keistimewaan beliau menghasilkan keunikan motif tersendiri dan kehalusan barangan kraf menyebabkan Datin Paduka Marina Mahathir memuatkan hasil kerja beliau dalam buku *The Craft Of Malaysia*".

Malah, penghasilan ukiran beliau juga mendapat tempat daripada agensi kerajaan termasuk Jabatan Perdana Menteri, Muzium Kelantan, Muzium Negeri Terengganu, Muzium Negeri Pahang dan Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, Tengku Ibrahim juga pernah menghasilkan ukiran untuk pemimpin negara, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Sultan Perak, Raja Azlan Muhibuddin Shah dan kenamaan lain.

Pemilihan Tengku Ibrahim sebenarnya menjadi kemegahan kepada penduduk daerah Besut kerana sebelum ini seorang pengukir tradisional, Wan Su Othman, pernah dianugerahkan Tokoh Seni Ukir Negara atas kecemerlangannya dalam bidang ukiran.

Anugerah itu turut merangsang pihak kerajaan untuk menjadikan daerah Besut sebagai pusat seni ukir negara sesuai dengan kedudukannya yang mampu melahirkan ramai tokoh terkenal dalam industri berkenaan.

(END)